

NAMA:

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2023

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Modul ini mengandungi 14 halaman bercetak

Jawab semua soalan

- 1 Apakah peranan laksamana dalam sistem Pembesar Empat Lipatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Mengutip cukai
 - B Mengurus perbendaharaan
 - C Menjaga keamanan di darat
 - D Menjaga keselamatan di laut

- 2 Apakah peranan rakyat kepada pemerintah pada Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Memberi kesetiaan
 - B Menjamin keselamatan
 - C Mengukuhkan perpaduan
 - D Memelihara keamanan

- 3 British berusaha mengawal gerakan Islah Islamiah dengan memperkenalkan
 - A Biro Siasatan Awam
 - B Biro Pengaduan Awam
 - C Cawangan Khas (Special Branch)
 - D Biro Siasatan Politik (Political Intelligence Bureau)

- 4 Maklumat berikut berkaitan layanan tentera Jepun mengikut kaum di Tanah Melayu.

Kaum	Layanan
Melayu	Baik
Cina	Kejam
India	Baik

Apakah kesan perbezaan layanan tersebut?

- A Penubuhan parti politik
- B Perpaduan kaum renggang
- C Kebangkitan nasionalisme
- D Bersatu menentang penjajah

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme di Eropah.

Revolusi Keagungan (1688)
Revolusi Perancis (1789)

Apakah persamaan kedua-dua revolusi tersebut?

- I Bersifat anti raja
 - II Berteraskan hak rakyat
 - III Menggunakan kekerasan
 - IV Melibatkan golongan tentera
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 6 Penubuhan Madrasah al-Masyhur telah meniupkan idea nasionalisme pada awal abad ke-20.
Idea tersebut diterima melalui
- A karya agama
 - B kunjungan ulama
 - C pembacaan novel
 - D penubuhan persatuan
- 7 Apakah bentuk bantahan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union?
- A Menyokong Kongres Melayu
 - B Menulis dalam akhbar
 - C Mengutuk Malayan Union
 - D Menghadiri upacara pelantikan Gabenor
- 8 Mengapakah Rukun 13 ditubuhkan?
- A Menyokong penyerahan Sarawak
 - B Mempertahankan hak penduduk
 - C Memelihara kesucian agama Islam
 - D Menghapuskan pegawai tinggi British

9 Berikut adalah cadangan Jawatankuasa Kerja Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- X
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
- Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu

Apakah X?

- A Menubuhkan Majlis Raja-Raja
- B Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu
- C Mengenakan syarat kewarganegaraan yang longgar
- D Menyatukan negeri Melayu dalam satu unit pentadbiran

10 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Diketuai Pesuruhjaya Tinggi British
 - II Jus soli terbuka kepada rakyat raja
 - III Memelihara kedudukan bahasa Melayu
 - IV Islam sebagai agama persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Senarai berikut merupakan tokoh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang berusaha menyebarkan fahaman komunis di negara kita.

- Alimin
- Tan Melaka
- Sultan Pepateh

Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- A Kekejaman tentera Jepun
- B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- C Kekosongan politik di Tanah Melayu
- D Keinginan meluaskan pengaruh

- 12 Bagaimana kerajaan British dapat membezakan orang awam dengan komunis semasa zaman darurat ?
- I Pengenalan sijil kelahiran
 - II Permit pergerakan penduduk
 - III Sistem pendaftaran kebangsaan
 - IV Penggunaan kad pengenalan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 13 Antara berikut, yang manakah berkaitan tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?
- I Menentukan sempadan negeri
 - II Merangka perlembagaan negara
 - III Mewujudkan keadaan harmoni
 - IV Membetulkan keadaan politik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 14 Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951?
- A Mengekalkan pentadbiran tradisional
 - B Melatih penduduk tempatan mentadbir
 - C Melaksanakan kempen pilihan raya
 - D Mengiktiraf pemerintahan beraja

- 15 Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 menunjukkan tolak ansur dalam negara ketika itu.
Tolak ansur tersebut dibuktikan dengan
- A perkongsian kuasa antara kaum
 - B pengamalan demokrasi dalam negara
 - C persefahaman British dengan pemimpin
 - D kejayaan pentadbiran pihak British
- 16 Apakah syarat untuk menjadi calon pada pilihan raya Majlis Persekutuan 1955?
- I Berumur 18 tahun ke atas
 - II Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
 - III Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
 - IV Bermastautin dalam tempoh 6 bulan sebelum hari penamaan calon
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Gambar berikut berkaitan dengan Rundingan London yang berlangsung pada tahun 1956.



Sumber : Jabatan Warisan Negara

Hasil rundingan tersebut ialah

- A pelaksanaan pilihan raya umum
- B penubuhan Suruhanjaya Cobbold
- C pemberian kemerdekaan tanah air
- D pengenalan kerakyatan jus soli

18 Berikut adalah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 :T4B9 MS224

- Kewarganegaraan
- Pengamalan demokrasi berparlimen
- X

Apakah X?

- A Kebudayaan pelbagai kaum
- B Keistimewaan kaum lain
- C Kemajuan ekonomi negara
- D Kedudukan Agama Islam

19 Mahatma Gandhi mentakrifkan kemerdekaan sebagai

- A bebas mengurus negara.
- B kebebasan melalui politik.
- C perjuangan menghadapi penjajah.
- D mewujudkan negara berdaulat.

20 Peristiwa bersejarah berikut berlaku di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.



Sumber: Arkib Negara Malaysia

Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada masyarakat Tanah Melayu?

- A Kempen pilihan raya umum
- B Kunjungan pemimpin negara luar
- C Tamatnya penjajahan kuasa asing
- D Pembentukan Persekutuan Malaysia

- 21 Apakah maksud kedaulatan dalam bahasa Arab?
- A Negara yang bebas dan merdeka
 - B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
 - C Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara
 - D Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

- 22 Maklumat berikut berkaitan jawatan utama negara di Malaysia.

Tugas	Jawatan
Ketua Utama Negara	Yang di-Pertuan Agong
Ketua Kerajaan	X

Apakah **X** ?

- A Sultan
 - B Menteri Besar
 - C Perdana Menteri
 - D Yang di-Pertua Negeri
- 23 Maklumat berkaitan undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Selat.

- Charter of Justice
- Diambil daripada undang-undang yang digubal di England

Apakah matlamat undang -undang tersebut?

- A Melindungi penduduk asal
- B Mengawal raja dan pembesar
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Menghalang kemasukan imigran

24 Apakah ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita?

- I Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera
 - II Sistem Demokrasi Berparlimen
 - III Kewarganegaraan
 - IV Bahasa Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25 Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar.



Apakah kepentingan cap tersebut?

- A Mengesahkan pelantikan menteri
B Melambangkan kedaulatan pemerintah
C Mengiktiraf kerajaan yang dipilih rakyat
D Meluluskan undang-undang yang digubal oleh Parlimen

- 26 Yang di-Pertuan Agong mempunyai hak dan keistimewaan tertentu berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Antara hak tersebut ialah

- I melindungi kepentingan sah kaum lain
 - II memelihara hak keistimewaan orang Melayu
 - III menasihati Perdana Menteri dalam pentadbiran
 - IV memilih Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 27 Jadual berikut berkaitan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Perlembagaan Persekutuan		
Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai Bersama

Apakah perkara yang diletakkan di bawah Senarai Bersama?

- A Pertanian dan perhutanan
 - B Perubatan dan kesihatan
 - C Kerajaan tempatan
 - D Kebajikan awam
- 28 Apakah peranan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)?
- A Menstabilkan harga padi
 - B Memulihkan tanah ladang
 - C Membangunkan tanah baharu
 - D Membantu dalam penyelidikan getah

29 Mengapakah Lord Brassey mencadangkan idea pembentukan Malaysia pada tahun 1887?

- A Menyatukan pentadbiran
- B Mengukuhkan pertahanan
- C Membentuk tanah jajahan yang besar
- D Membangunkan wilayah Sabah dan Sarawak

30 Berikut merupakan antara faktor pembentukan Malaysia

- Pembangunan wilayah
- Mempercepatkan kemerdekaan
- X

Apakah X?

- A Keselamatan
- B kedaulatan
- C Keamanan
- D Kestabilan

31 Apakah cabaran kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sabah dan Sarawak?

- A Teknologi rendah
- B Saiz negeri yang besar
- C Kekurangan tenaga mahir
- D Tentangan dari negara jiran

32 Mengapakah perpaduan kaum dan integrasi nasional sukar untuk dilaksanakan di negara kita ?

- A Pengaruh globalisasi
- B Kepelbagaian budaya
- C Perubahan kepimpinan
- D Perbezaan fahaman politik

- 33 Apakah tujuan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970?
- A Memartabatkan bahasa Melayu
 - B Menambah bilangan cendekiawan Melayu
 - C Melahirkan pemimpin yang berwibawa
 - D Meningkatkan ilmu pengetahuan
- 34 Apakah penambahbaikan dalam Laporan Rahman Talib yang dilaksanakan melalui Kajian Aminuddin Baki?
- A Melahirkan tenaga mahir
 - B Menekankan mata pelajaran Sejarah
 - C Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat
 - D mengurangkan kadar buta huruf
- 35 Rancangan Buku Hijau dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1975.
- Mengapakah rancangan tersebut dilaksanakan?
- A Memajukan industri pertanian
 - B Menambahkan pengeluaran makanan
 - C Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan
 - D Menyediakan peralatan pertanian
- 36 Apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan tahun 1973?
- A Membangunkan industri desa
 - B Menjalankan penyelidikan pertanian
 - C Membantu petani dalam kegiatan koperasi
 - D Mengawal kualiti hasil pertanian

- 37 Antara berikut, yang manakah matlamat penggubalan dasar luar negara.
- I Menjalinkan hubungan ketenteraan
 - II Mempertahankan kemerdekaan negara
 - III Melindungi kepentingan nasional
 - IV Menjamin kesejahteraan rakyat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh
- A kehendak kuasa asing
 - B keperluan ketenteraan
 - C pendirian negara serantau
 - D kepentingan ekonomi negara
- 39 Deklarasi berikut telah diisytiharkan dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989.

• Deklarasi Langkawi

Apakah persetujuan yang dicapai dalam deklarasi tersebut?

- A Memelihara alam sekitar
- B Menyelaras bantuan teknikal
- C Menyediakan dana pendidikan
- D Menjadikan Langkawi destinasi pelancongan

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan persidangan yang dianjurkan oleh PBB.

Tahun 1992
Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro, Brazil

Apakah hasil yang dipersetujui dalam persidangan tersebut?

- A Pengawalan ancaman jerebu
- B Penentangan ujian senjata nuklear
- C Pengisytiharan Deklarasi Agenda 21
- D Pengawalan lapisan ozon

MODUL TAMAT

NAMA:

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2023

SEJARAH

Kertas 2

2023

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada petak yang disediakan.
2. Modul ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. **Modul** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH			

Modul ini mengandungi 17 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 *markah*]

Jawab semua soalan.

- 1 Pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka telah lahir dua buah undang-undang.

Sumber: jmm.gov.my

- (a) Senaraikan **dua** undang-undang tersebut.

(i)

(ii)
[2 *markah*]

- (b) Jelaskan undang-undang di (1a).

.....
.....
.....
.....
[4 *markah*]

- (c) Berikut adalah prinsip Rukun Negara yang keempat.

Kedaulatan undang-undang

Mengapakah prinsip tersebut dijadikan sebagai prinsip Rukun Negara?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 *markah*]

2 Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.

Sumber: www.academia.edu

(a) Nyatakan **tiga** portfolio yang terdapat dalam sistem tersebut.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(b) Jelaskan kepentingan sistem di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Sistem Ahli disifatkan satu simbol penyatuan kaum yang tercapai atas dasar persefahaman dan tolak ansur.

Sumber ubah suai: utusan.com.my

Jelaskan pernyataan berikut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Kewujudan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja berperanan sebagai juruaudit tambahan dari segi perlembagaan.

Sumber: bharian.com.my

- (a) Nyatakan **dua** peranan Majlis Raja-Raja di negara ini.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam perlantikan jawatan penting negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Baca petikan berikut.

Institusi Raja berperanan sebagai penyemak dan pengimbang dalam demokrasi pemerintahan negara bagi memastikan kemakmuran dan kestabilan negara.

Sumber : dspace.unimap.edu.my

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Sumber ubah suai: malaysia.gov.my

- (a) Apakah pengertian bahasa rasmi?

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Baca pernyataan berikut.

Malaysia menjadi negara pengguna sains dan teknologi terbesar dunia, kita terpaksa menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan ekonomi dan perniagaan global.

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Huraikan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

Tuliskan jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 11 hingga halaman 17**.

- 5 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut.

Sumber: arkib.gov.my

- (a) Mengapakah persekutuan di atas ditubuhkan? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan penubuhan persekutuan tersebut terhadap penduduk Tanah Melayu? [6 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Di bawah perjanjian itu, walaupun kebanyakan kuasa penting masih dipegang oleh kerajaan pusat, tetapi kedudukan kuasa penting sebagai pemerintah berdaulat di negeri masing-masing dikekalkan. Raja-Raja kini bertindak melalui sebuah badan yang dikenali sebagai "Majlis Raja-Raja".

Selain itu, sebarang perubahan yang melibatkan undang-undang imigresen, skim gaji untuk pegawai-pegawai awam atau cadangan untuk menyusun semula jentera kerajaan mestilah dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja untuk dibincangkan sebelum dilaksanakan. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu juga telah mengurangkan kebimbangan orang Melayu terhadap kerajaan British.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu juga telah melahirkan keinginan kerajaan United Kingdom dan Raja-Raja Melayu ke arah pembentukan "kerajaan sendiri". Selaras dengan itu, Pilihan Raya Persekutuan Pertama diadakan pada tahun 1955 untuk memilih 52 orang anggota Majlis Undangan Persekutuan.

Sumber ubah suai: Fajar Bakti 2003

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

6 Pada 16 Jun 1948, Tanah Melayu telah memasuki zaman darurat.

Sumber : myjurnal.mohe.gov.my

- (a) Mengapakah pihak kerajaan mengisytiharkan darurat? [4 markah]
- (b) Terangkan kesan zaman darurat terhadap politik negara. [8 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Pengajaran dari darurat secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran nasionalisme di kalangan masyarakat. Melalui cerita-cerita lalu digabungkan dengan rasa hormat menghormati dapat membentuk rasa kekitaan dalam diri setiap warganegara sekali gus memupuk perpaduan. Begitulah juga kita di Malaysia yang masih berusaha mengenali diri masing-masing. Kenal mengenali di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan etnik adalah penting kerana kebutaan dan kegagalan masyarakat negara ini mengenali sesama sendiri bermakna mereka juga tidak mengetahui sejarah negara ini dan akan mendatangkan bahaya serta menjadi ancaman kepada proses perpaduan dan perkembangan negara secara menyeluruh dan apa yang lebih menakutkan ialah berulangnya tragedi berdarah 1969.

Masyarakat dan negara pada masa kini dan masa hadapan akan dapat mengkaji dan seterusnya cuba menyelesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai cara yang lain pula. Ini bermakna sejarah boleh menjadi guru yang paling baik kerana dapat memberi panduan dan pengajaran yang berguna dari melakukan kesalahan yang sama dapat dielakkan daripada berulang semula.

Sumber: repo.uum.edu.my

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. [8 markah]

7 “Kerjasama kerajaan Persekutuan, negeri beri manfaat kepada rakyat”.

Sumber: berita.rtm.gov.my

- (a) Jelaskan kerjasama dalam aspek penyediaan perumahan rakyat. [6 markah]
- (b) Terangkan aspek keselamatan yang dilaksanakan melibatkan dua agensi berikut:
- (i) *Rajang Area Security Command (RASCOM)* [3 markah]
- (ii) *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* [3 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Kerajaan Negeri tidak pernah menolak cadangan projek daripada pihak Persekutuan selagi mana ianya tidak mendatangkan kemudaratan kepada Kerajaan Negeri mahupun rakyat, bahkan mengalu-alukan dan sentiasa memberi kerjasama terhadap mana-mana projek Persekutuan yang bakal memberi kesan positif kepada rakyat tidak kira untuk jangka masa pendek atau panjang.

Kerajaan Negeri telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur berskala besar seperti lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri.

Ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan membantu mempermudah pelaksanaan projek pembangunan yang dirancang melalui ulasan-ulasan teknikal semasa sesi rundingan tersebut bagi mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di tapak pembangunan.

Selain sebagai medium kawalan, ketetapan ini juga adalah bagi menjamin kepentingan rakyat dalam pelbagai aspek termasuk dalam menikmati manfaat hasil daripada pembangunan yang dijalankan.

Sumber ubah suai: Mesyuarat Kedua Penggal Kelima DUN Selangor

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika dilaksanakan.

[8 markah]

- 8 Penubuhan Malaysia telah melahirkan konsep negara Asia Tenggara yang lebih besar merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Sumber: mkn.gov.my/web

- (a) Jelaskan faktor penubuhan di atas. [6 markah]
- (b) Terangkan langkah penubuhan tersebut. [6 markah]
- (c) Teliti poster berikut.



Sumber ubah suai: wartaoriental.com

- Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. [8 markah]

- 9 Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi antarabangsa seperti Komanwel dan NAM.

Sumber ubah suai: <https://itaboleh.my>

- (a) Mengapakah Malaysia terlibat dalam pertubuhan tersebut? [6 markah]
- (b) Terangkan manfaat yang diperolehi Malaysia melalui pertubuhan di atas. [6 markah]
- (c) Baca maklumat berikut.

Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain.

Selain itu, pemimpin yang baik mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan. Mereka akan sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai dan diyakini.

Pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan. Mereka memimpin orang lain dengan nilai kasih sayang, teladan serta mempunyai nilai integriti dalam diri. Mereka juga memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental.

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Jelaskan ciri-ciri kepimpinan yang wajar dimiliki sekiranya anda dilantik mengetuai pertubuhan dunia. [8 markah]

This image shows a full page of a document template designed for handwriting practice. It consists of approximately 20 evenly spaced, horizontal dashed lines extending across the entire width of the page. The background is plain white, and there are no margins, text, or other markings present.

This image shows a full page of a document template designed for handwriting practice. It consists of approximately 28 evenly spaced, horizontal dashed lines extending across the entire width of the page. The background is plain white, and there are no margins, text, or other markings present.

MODUL TAMAT